

Mengejut raksaksa

PENGGUNAAN kad masa bagi kakitangan kerajaan bermula bulan depan dalam empat kementerian. Sambutannya dari orang ramai ternyata hebat dan penuh harapan. Bagi mereka, setelah usaha-usaha lain tidak menunjukkan hasil yang diharap, penggunaan kad masa inilah yang mungkin dapat mengubah mutu khidmat kakitangan kerajaan kepada yang lebih baik dan licin. Di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan pula penerimaannya adalah berbeza. Setengahnya mengalu-alukannya sebagai langkah yang baik untuk memulihkan imej mereka. Namun lebih ramai yang merasakannya tidak perlu kerana sebab-sebab tersendiri.

Tetapi ini sebenarnya cumalah satu langkah kecil saja dari gerakan besar ke arah menegakkan konsep Pentadbiran Mahathir. Beberapa hari setelah memegang jawatan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad antara lain menemui semua ketua setiausaha dari kementerian-kementerian, dan memberitahu mereka supaya melaksanakan tanggungjawab berorientasikan pencapaian. Inilah asas pentadbiran baru itu. Bagi menjayakannya Kerajaan memerlukan Perkhidmatan Awam, sebagai jentera pentadbirannya, yang benar-benar berkesan. Bagi membuktikan keberkesanannya, sesuatu badan pengurusan perlu berupaya mencapai segala objektifnya.

Ini bukanlah suatu yang mudah dilakukan. Perkhidmatan Awam kita, walaupun merupakan antara yang terbaik di rantau ini, telah diasaskan atas, dan masih dalam banyak hal mengikut, ciri-ciri pengurusan lama. Dengan kemajuan zaman ini, matlamat pembangunan negara dan keperluan kepada kesegeraan, banyak daripada ciri tersebut sudah tidak sesuai lagi. Ia perlu diubahsuai. Setiap anggotanya perlu dikejutkan dari kebiasaan lama dan diarahkan kepada sikap dan semangat bekerja baru. Oleh kerana Perkhidmatan Awam adalah pertubuhan yang mengandungi lebih setengah juta anggota, ia adalah raksaksa yang perlu dikejutkan dengan tenaga raksaksa juga.

Inilah yang mendepankan kita dengan berbagai pendedahan dan kenyataan akhir-akhir ini. Pendedahan Juruaudit Negara mengenai kelemahan-kelemahan besar pengurusan kewangan di beberapa jabatan dan agensi kerajaan, arahan mengubahsuai atau menutup agensi-agensi yang gagal mencapai atau menyeleweng dari objektifnya, amaran tindakan tegas terhadap kakitangan kerajaan yang cuai, dan kenyataan tidak ada tempat bagi mereka yang cuma jadi penumpang adalah sebahagian dari gerakan mengejut raksaksa ini.

Dalam masa yang sama ciri pengurusan yang lebih sesuai juga telah disediakan. Ini adalah tanggungjawab yang telah dilaksanakan oleh MAMPU — Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia — sejak beberapa tahun terakhir. Ia telah menyediakan banyak perkara dengan berbagai cara, termasuk melalui satu tinjauan pendapat umum ke seluruh Semenanjung untuk memastikan daerah-daerah kelemahan jentera kerajaan supaya dapat diperbaiki. Sekarang adalah masanya untuk Kerajaan bertindak, dan penggunaan kad masa itu hanyalah sebahagian daripada prosesnya saja.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia